Tetuan K Kulasekar, Achan & Associates lwn Airod Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D3–22–207 TAHUN 2004
ABDUL ALIM ABDULLAH PK
29 SEPTEMBER 2006

Acara Sivil — Writ saman — Pembatalan — Responden telah mengarahkan perayu untuk menyediakan satu perjanjian bertulis untuk pembelian helikopter — Perayu mendakwa perjanjian itu telah dimuktamadkan dan menuntut terhadap responden agar bil guaman diselesaikan — Sama ada perjanjian telah dimuktamadkan — Sama ada tuntutan bil guaman perayu adalah pra matang — Sama ada perayu mempunyai kausa tindakan yang sah terhadap responden

Responden telah mengarahkan perayu untuk menyediakan satu perjanjian bertulis untuk pembelian helikopter oleh responden daripada pengilang iaitu Ulan Ude Aviation Plant. Responden telah mengarahkan perayu untuk menyediakan satu set dokumen-dokumen yang komprehensif bagi perjanjian itu. Perayu telah mengemaskini perjanjian itu dan telah memajukan salinan perjanjian itu kepada responden. Perayu telah menghantar serah bil mereka kepada responden. Responden mempertikaikan bil perayu kerana perjanjian jual beli itu belum muktamad dan perkara ini harus diambil kira sebelum bil dikeluarkan. Alasan responden adalah kerana terdapat terma-terma yang dipersetujui antara pihak-pihak iaitu responden hanya perlu membayar fee guaman setelah perjanjian jual beli itu dilaksanakan. Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang telah membenarkan permohonan responden untuk membatalkan writ saman dan penyataan tuntutan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Kausa tindakan perayu terhadap responden akan hanya timbul jika responden gagal untuk menyelesaikan yuran guaman secara ansuran bulanan selepas pelaksanaan perjanjian jual beli itu. Dakwaan perayu bahawa perjanjian itu telah dimuktamadkan berasaskan laporan di dalam internet adalah satu keterangan dengar cakap. Laporan ini tidak tersokong dengan keterangan dokumen lain. Tiada bukti sahih bahawa perjanjian itu telah dimuktamadkan untuk mematahkan dakwaan responden bahawa draf perjanjian jual beli itu belum dimuktamadkan. Apa yang jelas adalah terdapat afidavit di pihak responden yang menyatakan bahawa perjanjian tersebut tak terlaksana (lihat perenggan 20–21, 23).

(2) Pembayaran ansuran untuk yuran guaman yang dikatakan akan dibuat dalam masa setahun oleh responden tidak timbul kerana ia tidak pernah dipersetujui oleh pihak-pihak. Malah responden ataupun wakil-wakilnya tidak pernah

membuat representasi kepada perayu bahawa perjanjian akan ditandatangani dalam masa setahun. Apa-apa pengataan perayu bahawa representasi tersebut adalah terma tersirat dalam perjanjian hanya merupakan pembangkitan pertama kali mengenainya. Malah terma tersirat ini tidak pernah ditimbulkan di dalam penyataan tuntutan ataupun mana-mana afidavit perayu. Ia tidak pernah diplidkan sama sekali. Jauh sekali, peguam perayu pula mengakui semasa penghujahan bahawa tidak terdapat apa-apa permohonan untuk meminda penyataan tuntutan pada bila-bila masa pun (lihat perenggan 27).

(3) Kesimpulan faktanya sememanglah bahawa perjanjian-perjanjian itu belum dimuktamadkan dan dengan demikian tuntutan bil guaman ini adalah pra matang dan perayu pada takat ini tidak mempunyai kausa tindakan yang sah terhadap responden (lihat perenggan 29).

[English summary

The respondent had instructed the appellant to prepare a written agreement for the purchase of a helicopter by the respondent from the manufacturer, ie Ulan Ude Aviation Plant. The respondent had instructed the appellant to prepare a set of comprehensive documents for the agreement. The appellant had updated the agreement and forward a copy of the agreement to the respondent. The appellant had served their bill to the respondent. The respondent disputed the appellant's bill as the sale and purchase agreement had not been finalised and this matter should have been taken into consideration before the bill was issued. The respondent's reason was that there were terms agreed by both parties that the respondent only had to pay the legal fees after the sale and agreement had been executed. This was the appeal by the appellant against the decision of the Deputy Registrar in allowing the respondent's application to strike out the appellant's writ of summons and statement of claim.

Held, dismissing the appeal:

(1) The appellant's cause of action against the respondent would only arise if the respondent failed to settle the legal fees by monthly instalment after the execution of the sale and purchase agreement. The appellant's allegation that the agreement had been concluded based on the report in the internet was hearsay evidence. This report did not support other documentary evidence. There was no valid proof that the agreement had been concluded to rebut the respondent's allegation that the draft sale and purchase agreement had not been concluded. The fact was that there was an affidavit on behalf of the respondent which stated that the agreement had not been executed (see paras 20–21, 23).

(2) The instalment payments for the legal fees alleged to be made within a year by the respondent did not arise as it was never agreed upon by the parties. Further neither the respondent nor its representatives made any representation to the appellant that the agreement would be signed within a year. Any allegation by the apellant that the representation was an implied term in the agreement only arose once. Besides the implied term did not arise in the statement of claim or in any of the appellant's affidavit. It was not pleaded

at all. Less so, the counsel for the appellant further admitted that during the submission that there was no application to amend the statement of claim at any time (see para 27).

(3) The conclusion of the facts was indeed that the agreement had not been concluded and therefore the legal fees claim was premature and the appellant had so far no valid cause of action against the respondent (see para 29).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembatalan writ saman, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 7040–7041.

Kes-kes yang dirujuk

Gasing Heights Sdn Bhd v Aloyah bte Abd Rahman & Ors [1996] 3 MLJ 259 (dirujuk)

Karpal Singh v Sultan of Selangor [1988] 1 MLJ 64 (dirujuk)

Perwira Affin Bank Bhd (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Malaysia Bhd) v Lorrain Esme Osman [1996] 4 MLJ 656 (dirujuk)

K Kulasekar (K Kulasekar Achan & Associates) bagi pihak plaintif/perayu.

Gideon Tan (Gideon Tan Razali Zaini) bagi pihak defendan/responden.

Abdul Alim Abdullah PK:

[1] Ini adalah rayuan oleh plaintif ('perayu') terhadap keputusan Timbalan Pendaftar pada 15 November 2005 yang telah membenarkan permohonan defendan ('responden') untuk membatalkan writ saman dan penyataan tuntutan perayu (sila lihat lampiran 8). Mahkamah ini telah mengekalkan keputusan Timbalan Pendaftar dan seterusnya menolak rayuan perayu dengan kos.

KES RESPONDEN

[2] Pada 3 Februari 1999, responden telah mengarahkan perayu untuk menyediakan satu perjanjian bertulis untuk pembelian helikopter oleh responden daripada pengilang iaitu Ulan Ude Aviation Plant (sila rujuk lampiran 7, eksh A-1).

[3] Pada 5 April 1999, responden telah mengarahkan perayu untuk menyediakan satu set dokumen-dokumen yang komprehensif bagi perjanjian itu (sila rujuk lampiran 7, eksh A-2).

[4] Perayu telah mengemaskini perjanjian-perjanjian itu dan telah memajukan salinan perjanjian itu kepada responden (sila rujuk lampiran 7, eksh A-3).

[5] Pada 9 Ogos 2000, perayu telah menghantar serah bil mereka kepada responden untuk sejumlah RM986,056 (sila rujuk lampiran 7, eksh A-4).

[6] Responden mempertikaikan bil perayu kerana perjanjian jual beli itu belum muktamad dan perkara ini harus diambil kira sebelum bil dikeluarkan (sila rujuk lampiran 7, eksh A-5).

[7] Jumlah yang dinyatakan dalam tuntutan perayu adalah jauh berbeza dengan kuantum dalam 'Solicitors Remuneration Order 1991'.

[8] Responden mengatakan bahawa bil untuk fee kepeguaman yang dikemukakan oleh perayu adalah melampau dan keterlaluan untuk penyediaan draf perjanjian jual beli yang biasa dan perjanjian itu belum muktamad.

[9] Perayu kemudian telah meminda bil itu dan menghantar kepada responden dan jumlah fee adalah RM980,900 (sila rujuk lampiran 7, eksh A-6).

[10] Responden sekali lagi menyatakan bil perayu itu keterlaluan untuk kerja-kerja yang dilakukan.

[11] Oleh kerana draf perjanjian jual beli enam helikopter antara responden dengan Ulan Ude Aviation Plant yang disediakan oleh perayu belum terlaksana maka tuntutan perayu daripada responden adalah pra matang.

[12] Oleh yang demikian, perayu tidak mempunyai kausa tindakan terhadap responden.

KES PERAYU

[13] Alasan responden membuat permohonan ini adalah kerana terdapat terma-terma yang dipersetujui antara pihak-pihak iaitu responden hanya perlu membayar fee guaman sebanyak RM686,630 setelah perjanjian jual beli enam helikopter itu dilaksanakan.

[14] Sejak Februari 2002, responden telah menemui perayu untuk meminta tempoh masa setahun untuk responden membayar bil perayu atas alasan perjanjian-perjanjian itu akan dilaksanakan dalam tempoh satu tahun.

[15] Hasil rundingan itu akhirnya pihak-pihak telah mencapai penyelesaian (sila rujuk lampiran 9, eksh KK-1).

[16] Melalui surat bertarikh 2 April 2003, perayu telah mengesahkan pembelian helikopter akan dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh pencapaian penyelesaian (sila rujuk lampiran 9, eksh KK-2).

[17] Perayu tidak mungkin akan memasuki penyelesaian dengan responden jika responden tidak berjanji untuk membuat pembayaran baki bil dalam setahun.

[18] Pelaksanaan perjanjian dengan Ulan Ude Aviation bukan dalam kuasa perayu. Walaupun begitu pada Oktober 2003, responden telah menandatangani perjanjian untuk membeli 10 helikopter yang dibina di Ulan Ude Aviation Plant (sila rujuk lampiran 9, eksh KK-3).

[19] Walaupun perayu telah secara salah menyatakan bahawa pembelian helikopter Mi-171 telah dilaksanakan antara responden dengan Ulan Ude Aviation Plant tetapi ianya boleh dibetulkan secara pindaan.

PERTIMBANGAN

[20] Kausa tindakan perayu terhadap responden akan hanya timbul jika responden gagal untuk menyelesaikan baki sebanyak RM686,630 secara ansuran bulanan selepas pelaksanaan perjanjian jual beli itu.

[21] Dakwaan perayu bahawa perjanjian itu telah dimuktamadkan berasaskan laporan di dalam internet adalah satu keterangan dengar cakap (sila rujuk lampiran 9, eksh KK-3). Laporan ini tidak tersokong dengan keterangan dokumentar lain. Di dalam kes *Karpal Singh v Sultan of Selangor* [1988] 1 MLJ 64 di ms 65–66 telah diperkatakan:

> … the sole foundation of the Originating Summons is the statement allegedly made by the Sultan as reported in the *New Straits Times* and *The Star* newspapers on 27 July 1987. There is no affidavit before the court affirmed to by the reporter concerned stating that he heard the Sultan made such statement. The press reports of what the Sultan is reported to have said would appear to be inadmissible as hearsay. … Without such press reports, what other evidence is there to show what the Sultan said on the occasion concerned? In my view, therefore, the originating summons founded upon such premises may he held to be groundless.

[22] Di dalam kes *Perwira Affin Bank Bhd (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Malaysia Bhd) v Lorrain Esme Osman* [1996] 4 MLJ 656 di ms 662, mahkamah membuat pemerhatian seperti berikut:

> … I am of the view that newspaper reports by themselves are insufficient to conclusively establish a fact in dispute without any other supporting documents or sources...

[23] Tiada bukti sahih bahawa perjanjian itu telah dimuktamadkan untuk mematahkan dakwaan responden bahawa draf perjanjian jual beli helikopter itu belum dimuktamadkan. Apa yang jelas adalah terdapat afidavit di pihak responden iaitu oleh Abdul Halim Hariri (pengurus undang-undang syarikat responden) di lampiran 7, perenggan 20(b) yang menyatakan bahawa perjanjian tersebut tak terlaksana ('not executed').

[24] Apa yang nyata pembelian helikopter seperti di dalam lampiran 9, eksh KK-3 adalah merujuk kepada helikopter Mi-17 dan perayu dalam menyediakan draf perjanjian, adalah untuk pembelian helikopter Mi-171 dan perayu tidak terlibat dalam pembelian helikopter Mi-17.

[25] Pelaksanaan perjanjian jual beli itu adalah dalam bidang kuasa Kerajaan dan bukan responden. **A**

[26] Terma-terma penyelesaian antara perayu dan responden adalah seperti di lampiran 7, eksh A-1 dan lampiran 9, eksh KK-1.

B

[27] Pembayaran ansuran untuk bil itu yang dikatakan akan dibuat dalam masa setahun oleh responden tidak timbul kerana ia tidak pernah dipersetujui oleh pihak-pihak (sila lihat lampiran 9, eksh KK-1). Malah responden ataupun wakil-wakilnya tidak pernah membuat representasi kepada perayu bahawa perjanjian akan ditandatangani dalam masa setahun. Apa-apa pengataan perayu bahawa representasi tersebut adalah terma tersirat dalam perjanjian hanya merupakan pembangkitan pertama kali mengenainya. Malah terma tersirat ini tidak pernah ditimbulkan di dalam penyataan tuntutan ataupun mana-mana afidavit perayu. Ia tidak pernah diplidkan sama sekali. Jauh sekali, peguam perayu pula mengakui semasa penghujahan bahawa tidak terdapat apa-apa permohonan untuk meminda penyataan tuntutan pada bila-bila masa pun. **C** **D**

[28] Memandangkan semua terma penyelesaian adalah terkandung dalam lampiran 9, eksh KK-1 maka perayu tidak dibenarkan untuk mengemukakan keterangan lisan sebaliknya.

E

KEPUTUSAN

[29] Kesimpulan faktanya sememanglah bahawa perjanjian-perjanjian itu belum dimuktamadkan dan dengan demikian tuntutan bil guaman ini adalah pra matang dan perayu pada takat ini tidak mempunyai kausa tindakan yang sah terhadap responden. Dalam kes *Gasing Heights Sdn Bhd v Aloyah bte Abd Rahman & Ors* [1996] 3 MLJ 259 di ms 271 telah diperkatakan bahawa: **F**

> As to what constitutes an abuse of process, it would salutary to remind ourselves that in *Grainger v Hill* (1838) 4 Bing NC 212, it was obvious that the plaintiff knew he never had a cause of action in the first place. Secondly he proceeded with his action in order to extort a relief he was never entitled in law. The facts of this case are set out in *Speed Seal Products Ltd v Paddington* [1986] 1 All ER 91 at p 98 from which it was apparent that the proceedings were commenced for a debt not yet due. **G**

[30] Rayuan perayu dengan ini ditolak dengan kos. **H**

Rayuan ditolak.

Reported by Peter Ling

I